

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2018

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyenaraikan bantuan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk membayar gaji penjawat awam dari tahun 2013 hingga 2017, nyatakan jumlah mengikut tahun dan negeri. Apakah penyelesaian Kerajaan Pusat untuk membantu kerajaan negeri menjadi economically independent.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bayan Baru dan dewan yang mulia ini, Kerajaan Persekutuan tidak menyediakan Pemberian atau bantuan secara khusus kepada negeri untuk membayar gaji penjawat

awam negeri. Sebaliknya semua Pemberian yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri disalurkan dan diperakaunkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Negeri yang mana dana ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri yang dibentangkan melalui Bajet tahunan negeri kepada Dewan Undangan Negeri masing-masing. Perbelanjaan ini termasuklah untuk membiayai emolumen kakitangan awam negeri.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam memastikan kedudukan kewangan negeri kukuh dan *economically independent*. Namun demikian, sebagai sebuah Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab, Kerajaan Persekutuan sentiasa dari semasa ke semasa memantau dan membantu negeri-negeri untuk mengukuhkan kedudukan kewangan bagi memastikan negeri-negeri mampu melunaskan kos-kos pengurusan negeri yang ditanggung. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah merupakan agenda utama dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara setiap tahun yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dihadiri oleh semua YAB Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri selaras dengan perkara 108 Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sentiasa melunaskan Pemberian-pemberian kepada semua Kerajaan Negeri. Terdapat 14 jenis Pemberian yang disediakan oleh Kerajaan

Persekutuan kepada negeri-negeri. Jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada semua negeri bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 adalah berjumlah RM33.5 bilion iaitu sebanyak RM6.3 bilion tahun 2013, RM6.6 bilion (2014), RM6.7 bilion (2015), RM6.8 bilion (2016) dan RM7.1 bilion (2017). Perincian Pemberian ini dibentangkan setiap tahun dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan. Misalnya perincian Pemberian Negeri tahun 2016 boleh dirujuk di muka surat 527 Buku Anggaran Perbelanjaan 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017.

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi membantu Kerajaan-kerajaan Negeri adalah:

- Melalui pengenalan bantuan/pemberian baru

Antaranya adalah bantuan pengurusan bil lampu jalan dan lampu isyarat di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang diperkenalkan mulai tahun 2007 dan memasukkan kos pengurusan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri di bawah Senarai Bersama mulai tahun 2013.

- Menubuhkan Jawatankuasa Hasil Negeri

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2014, jawatankuasa ini bertujuan untuk menyelaraskan dan meningkatkan pengurusan hasil negeri seperti mengenal

pasti hasil-hasil baharu, meningkatkan kutipan tunggakan hasil serta berkongsi amalan pengurusan hasil negeri-negeri yang terbaik.

- Menyediakan Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus bagi negeri-negeri yang mengalami defisit dalam akaun mengurus. Bagi tempoh 2013 sehingga 2017, Pemberian ini adalah berjumlah RM699 juta yang melibatkan lima (5) buah Kerajaan Negeri.
- Selain daripada itu Kerajaan Persekutuan juga menyediakan Pendahuluan tanpa faedah/keuntungan kepada negeri-negeri yang mengalami masalah aliran tunai dalam tahun semasa. Sehingga 31 Januari 2018, jumlah dana yang diperuntukkan untuk Kumpulan Wang Pendahuluan Negeri adalah berjumlah RM1.897 bilion.
- Menjadual semula bayaran balik pinjaman dan hutang.

Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa mengstrukturkan semula dan menjadual semula pinjaman-pinjaman kepada negeri-negeri. Misalnya melalui Skim Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negara, Kerajaan Persekutuan bersetuju memindahkan pinjaman bekalan air Kerajaan Negeri kepada Pengurusan

95

Aset Air Berhad (PAAB) dengan kadar faedah 0%. Pengambilalihan ini secara langsung melangsaikan hutang negeri. Misalnya jumlah pinjaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah dipindahkan ke PAAB pada tahun 2011 adalah berjumlah RM655,248,416.64.

Tuan Yang Dipertua, pelaksanaan projek-projek pembangunan Persekutuan di semua negeri seperti pembinaan jalan raya, lapangan terbang, ECRL, jambatan dan sebagainya akan secara langsung meningkatkan hasil negeri. Projek-projek ini bukan sahaja meningkatkan nilai tanah malah kegiatan ekonomi setempat. Secara langsung meningkat hasil negeri seperti kutipan premium tanah yang lebih tinggi.

Perkara yang saya sebutkan tadi merupakan antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu kedudukan kewangan negeri-negeri. Namun bagi memastikan samada sebuah negeri *enominically independent* ataupun sebaliknya terpulanglah kepada perancangan negeri masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]

TARIKH : 22 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 41

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan langkah-langkah untuk menambahkan bilangan penerbangan terus dari bandar raya di Asia Tenggara dan Asia Utara ke Sandakan.

017

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat Penerbangan negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan terus dari bandar raya di Asia Tenggara dan Asia Utara terutama ke Sandakan dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan / meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut;
- (ii) memasukkan bandar-bandar di Sabah sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services*. Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi ASEAN, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat;
- (iii) memasukkan destinasi-destinasi di Sabah termasuk Sandakan sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah kerjasama *Brunei Indonesia Malaysia Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) Memorandum of Understanding (MoU) on Expansion of Air Linkages*. Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara BIMP-EAGA dibenarkan untuk



mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi BIMP-EAGA, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat;

- (iv) menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke bandar-bandar utama Sabah oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme*.

Pada masa ini, syarikat-syarikat penerbangan negara seperti Malaysia Airlines Berhad (MAB), MASwings dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan domestik ke Sandakan dengan kekerapan sebanyak 89 kali seminggu dari beberapa destinasi seperti Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Tawau dan Kudat.

Sebarang rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke bandar-bandar utama di Sabah adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

Selain daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan seperti di atas, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan daya tarikan dan promosi produk-produk pelancongan dalam negara sebagai satu usaha berterusan bagi menggalakkan lagi perkhidmatan penerbangan dari pelbagai laluan ke Sandakan.